



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMK 323 – Puisi Nusantara**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Pilih mana-mana empat soalan daripada ENAM (6) soalan yang disediakan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Ilmu dan adab menjadi salah satu pemikiran penting dalam pantun. Berdasarkan contoh-contoh pantun yang diberi dan pantun-pantun lain yang diketahui, bincangkan kekuatan pemikiran dan perlambangan yang digunakan dalam menyampaikan mesej berkenaan. (Sila lihat Lampiran A).

(25 markah)
2. Mantera adalah gambaran timbal balik pengamalinya dalam memahami simbol-simbol alam sekeliling. Bincangkan beberapa fungsi mantera dalam masyarakat tradisional.

(25 markah)
3. Bincangkan sejarah ringkas perkembangan syair Melayu di Nusantara.

(25 markah)
4. Sekitar tahun 1930-an, puisi Melayu baharu menggantikan puisi-puisi lama yang meluas dalam masyarakat Nusantara. Bincangkan perbezaan puisi-puisi lama dan puisi-puisi Melayu baharu.

(25 markah)
5. Sapardi Djoko Damono antara penyair Nusantara yang menulis puisi biasa tetapi dikagumi kerana mempunyai gaya luar biasa. Berdasarkan puisi “Kelereng”, (Lampiran B), bincangkan kekuatan puisi ini.

(25 markah)
6. Puisi mempunyai pengaruh yang kuat dalam kesusasteraan Indonesia dan Malaysia. Antara penyair yang terkenal ialah Chairil Anwar dan Latiff Mohidin. Kedua-dua penyair ini sangat cermat dalam menulis puisi yang berkualiti. Bincangkan pendapat tersebut dengan menggunakan kedua-dua contoh puisi dalam Lampiran C.

(25 markah)

**Lampiran A**

Sungguh tinggi batang kekabu,  
Bunganya putih bagaikan kapas;  
Sungguh terpuji orang berilmu,  
Mukanya bersih hati pun ikhlas.

Tegak rumah kerana sendi,  
Runtuh sendi rumah binasa;  
Tegak bangsa kerana budi,  
Runtuh budi hilanglah bangsa.

(Sumber: Khazanah Pantun Melayu Riau)

**Lampiran B**

Kelereng

Kalah main, kelerengku tinggal lima butir.  
Aku anak laki-laki, tidak boleh menangis, kata ibu.  
Kupungut kelereng itu satu demi satu, kumasukkan ke saku.  
Di jalanan pulang, selalu kuraba-raba sebab khawatir kalau-kalau  
ada yang terjatuh dari lubang kantung celanaku.

Ketika mau belajar, selesai makan malam, kudapati  
kelerengku berkurang satu. Kutaruh semua yang sisa  
di atas meja, tak ada lagi yang bulat sempurna sebab  
seharian berbenturan dengan sesamanya, tetapi di mana  
gerangan kelerengku yang berlimbing, yang warnanya biru?  
Aku anak laki-laki tidak berhak menangis, kata ibu.

Aku boleh saja tak peduli, tetapi kelerengku yang  
lain --yang bitnik-bintik, yang belimbing coklat,  
Yang susu, dan yang loreng merah hijau-akan selalu  
bertanya padaku di mana gerangan temannya yang satu itu.  
Itu sebabnya aku harus mencarinya, tetapi ke mana aku tak tahu.

(Sapardi Djoko Damono, Puisi-Puisi Asean, 2000.)

SUNGAI MEKONG

1  
Sungai Mekong  
kupilih namamu  
kerana aku begitu sepi  
kan kubenamkan dadaku  
ke dadamu  
kaki kananku ke bulan  
kaki kiriku ke matahari  
kan kuhanyutkan hatiku  
ke kalimu  
namaku ke muara  
suaraku ke gunung.

2  
Sungai Mekong  
nafasmu begitu tenang  
lenggangmu begitu lapang  
di tebingmu  
ada ibu bersuara sayu  
mencari suara puteranya yang hilang  
waktu ia merebahkan wajahnya  
ke wajahmu  
kau masih bisa senyum senang.

3  
Sungai Mekong  
akhirilah tari siang riakmu  
kulihat di dasarmu  
kuntum-kuntuman berdarah  
batu-batu luka  
malam ini  
ribut dari utara akan tiba  
tebingmu akan pecah  
airmu akan merah  
dan arusmu akan lebih keras  
dari Niagara

(Latiff Mohidin, Vientienne, 1 Februari 1966)

Doa

Doa

Tuhanku  
dalam termangu  
aku masih menyebut namaMu  
biar susah sungguh  
mengingat Kau penuh seluruh  
CahayaMu panas suci  
tinggal kerlip lilin di kelam sunyi  
Tuhanku,  
aku hilang bentuk  
remuk

Tuhanku  
aku mengembara di negeri asing

(Chairil Anwar)